

Pengambilan pelajar antarabangsa di UMS selaras PPPM

UB 25.11.15 146

KOTA KINABALU: Pengambilan pelajar antarabangsa oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menetapkan kuota sebanyak 5 peratus bagi kemasukan pelajar antarabangsa.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, di bawah dasar itu, UMS membuka peluang pengajian tinggi di peringkat ijazah sarjana muda hingga ke peringkat Doktor Falsafah kepada para pelajar daripada pelbagai negara.

Katanya, UMS bukan sahaja diiktiraf sebagai salah sebuah universiti awam yang baik di dalam negara, malah negara lain seperti China, Iran, Turki dan Indonesia turut mengiktiraf UMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berupaya melahirkan graduan berkualiti. Ia terbukti melalui bilangan pelajar daripada negara-negara berkenaan yang meningkat setiap tahun.

Menurutnya, syarat kelayakan masuk yang ditetapkan kepada pelajar antarabangsa ialah perlu mempunyai kelulusan *International English Language*

Testing System (IELTS) atau *Test of English as a Foreign Language (ToEFL)* selain kelayakan akademik dari negara asal juga disemak dan disetarakan dengan kelayakan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan syarat minimum yang ditetapkan oleh fakulti di dalam UMS.

“Bagi mereka yang tidak berpeluang untuk mengikuti IELTS atau ToEFL, UMS menyediakan kursus *Intensive English Preparatory Programme (IEPP)* selama tiga bulan sebelum mereka yang mencapai sekurang-kurangnya Gred B dalam peperiksaan, layak melanjutkan pengajian ke pelbagai program yang ada di UMS.

“Bagi mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke Fakulti Psikologi dan Pendidikan; Fakulti Sains dan Sumber Alam, serta Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perkaunan, satu sesi temuduga akan diadakan fakulti itu sebagai proses terakhir memastikan mereka benar-benar layak melanjutkan pengajian ke fakulti berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.